



*Perjuangan Kita Belum Selesai...*

Wed Feb 12 2003 7:57:19 am

210.186.9.93

Walaupun berbagai kritikan terhadap laman-laman perjuangan UMNO. Kita perlu sedar terhadap isu-isu yang relevan. Kita sebagai perjuangan bangsa kenalah melawan secara beradab bukannya menulis tanpa selidik. Perdana Menteri kita sudah bercakap berkali-kali "Perjuangan Yang Belum Selesai". Kita perlulah bekerja keras untuk memantau segala aktiviti-aktiviti pembangkang terutamanya parti PAS yang ingin menawan kerusi di Johor. Rakyat Johor perlulah memantau segala aktiviti dari segi media cetak, Internet dan juga ceramah. Kerana mereka akan menggunakan berbagai taktik yang membolehkan mereka menipu rakyat di Johor. Terutama mereka akan membuat ceramah UMUM bertempat di Johor bahrudi kg kurnia jalan cenderwasi, diseni dipasir gudang, muar, segamat, batu pahat dan juga kawansa felda. Kita perlu sedar kekuatan UMNO di Johor adalah kuat.

Janganlah kita berdiam diri, terutama di dalam dunia ICT kita perlu belajar untuk mendapatkan maklumat dengan cepat. Kita perlu kuatkan jentera kita dari segi mana pun baik media cetak dan juga ICT. Oleh itu saya berharap ramai kalangan kita ini dapat menabur bakti untuk menyebarkan segala maklumat terhadap pembangkang di setiap cawangan dan juga bahagian. Kerana mereka ini akan gunakan perang saraf melalui ICT. Kerana mereka ini tidak boleh membuat liputan secara media perdana cuma mereka dapat memberi saluran melalui Harakah, Suara, Keadilan dan Memo.

Oleh itu kita perlulah sedar perjuangan kita bukannya secara ceramah, media cetak tetapi kita perlulah mempertingkatkan lagi dari segi teknologi maklumat di kalangan ahli UMNO di negeri Johor ini. Dengan itu secara mesejnya kita perlu membina laman-laman web UMNO bahagian di setiap Negeri Johor untuk meyalurkan maklumat di setiap tempat. Ada banyak cara untuk kita meyalurkan maklumat di setiap Ahli UMNO Johor. Kita perlu belajar dan juga bertapa pentingnya Teknologi Maklumat di masa kini.